

Buletin

# M-alawati

*"Usaha Untuk Rakyat"*



Majlis Daerah Kuala Selangor

[www.mdks.gov.my](http://www.mdks.gov.my)

Mei - Ogos 2019



## SAMBUTAN HARI KELIP-KELIP SEDUNIA 2019

6-7 JULAI 2019

Semarak Ramadan

6

Teratak Desa Aidilfitri

10

Program Ibadah Korban

21



Naskah Percuma

*Kuala Selangor* Indah dan Bersejarah

## MEI

- Keberangkatan DYMM Sultan Selangor ke Makam Diraja Kuala Selangor
- Kejohanan Futsal Piala YDP MDKS 2019
- Program Ziarah Kasih Menjelang Ramadan Rumah Perlindungan Satiyyah Alam Jaya
- Operasi Sitaan Pusat Kitar Semula
- Majlis Buka Puasa Perdana Pimpinan Negeri Selangor Bersama Rakyat
- Majlis Berbuka Puasa Bersama DYMM Sultan Selangor
- Exit Conference Pengauditan Pengurusan Kewangan
- Majlis Iftar Ramadan Bersama Pendayung dan Hos Komuniti Selangor
- Majlis Kunjungan Mesra Ke Bazar Ramadan Mampam MDKS 2019
- Mesyuarat Jawatankuasa OSC
- Semarak Ramadan Majlis Daerah Kuala Selangor 2019
- Seminar Komuniti Bancian Burung Air Asia (AWC)
- Tautan Kasih Ramadan Komuniti Strata

## JUN

- Perhimpunan Pagi Sempena Hari Raya
- WORLD #QuranHour
- Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Daerah
- Sesi Taklimat Ringkas dan Perbincangan Inisiatif Smart Selangor 2019
- Mesyuarat Penyelarasan PBT dan Program Sebaran Dasar
- Pengauditan Menaiktaraf dan Lawatan Tapak Produk Pelancongan
- Majlis Lambaian Kasih Puan Hajah Saleha dan Jamuan Hari Raya Jabatan Kawalan Bangunan
- Teratak Desa Aidilfitri Majlis Daerah Kuala Selangor 2019
- Penilaian Pemeriksaan Projek Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2019
- Larian Amal Kuala Selangor
- Majlis Pelancaran Rotary Peace Park Malaysia

## JULAI

- Bengkel Penambahbaikkan Pengurusan Pelan Risiko MS ISO 9001:2015
- Lawatan "Benchmarking" Perkongsian Ilmu Naziran Standard Kualiti Pelaksanaan Program Akrab dan Pementoran MDKS dari Akrab Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
- Sambutan Hari Kelip-Kelip Sedunia 2019
- Majlis Penyerahan Sijil Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Bagi Tahun 2018
- Penilaian Awal Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Peringkat Daerah Kuala Selangor
- Karnival Kesihatan MediRun 2019
- Kunjungan Hormat daripada Persatuan Bola Sepak Selangor United
- Lawatan Delegasi daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya
- Lawatan Delegasi daripada Telekom Malaysia
- Lawatan Pengerusi Fireflies International Network
- Operasi Kilang Plastik Haram
- Bengkel Pencapaian Setengah Tahun Sasaran Kerja Tahunan 2019
- Program Tanam Pokok dalam Bandar Negeri Selangor
- Lawatan Tapak Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor ke LRA SSP2 dan Kawasan Projek HORAS
- Perhimpunan dan Majlis Perasmian Dewan MDKS Bandar Baru
- Lawatan Kerja YB. Dr. Siti Mariah Binti Mahmud
- Program 3W
- Kejohanan Petanque Piala YDP MdkS
- Perbincangan Pembangunan Pantai Remis Bersama UITM

## OGOS

- Gotong Royong Eksa
- Klinik UPSR 2019 Berita Harian Didik Dengan Kerjasama MDKS dan LBS
- Majlis Pecah Tanah Kampung Resort Felda Bukit Cherakah Dvillage
- Lawatan Delegasi Dari Majlis Daerah Sabak Bernam Perkongsian Produk Inovasi Kumpulan Kreatif Dan Inovatif (KIK)
- Program Selangor Royal Fam Trip Anjuran Tourism Selangor
- Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Maxis Di Pantai Remis
- Operasi Semakan Permit Bazar Raya Aidiladha
- Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Pelancongan Daerah Kuala Selangor Bil.1-2019
- Perhimpunan Pagi Anjuran Jabatan Kawalan Bangunan
- Lawatan Delegasi Dari MPKJ
- Program Ibadah Korban 2019 Majlis Daerah Kuala Selangor
- Kem Motivasi Remaja MDKS 2019
- Perhimpunan Pagi Negeri Selangor Bulan Ogos dihoskan oleh MBPJ
- Program Pemerkasaan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

# Sidang Redaksi BULETIN MALAWATI

### Penaung

Puan Rahillah binti Rahmat AMS,  
ydp@mdks.gov.my

### Penasihat

Tuan Azman bin Dahlan AIS, PPT,  
azmandahlan@mdks.gov.my

### Editor

Puan Norrini binti Mohd Ladzim  
norrini@mdks.gov.my

### Pengarang

Encik Aliff Amani bin Jumeren  
aliff@mdks.gov.my

### Penolong Pengarang

Encik Hisyamuddin bin Zakaria  
hisyamuddin@mdks.gov.my

### Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan

Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi  
irwanshah@mdks.gov.my



Diterbitkan Oleh  
Unit Korporat dan Perhubungan Awam  
Majlis Daerah Kuala Selangor

Diterbitkan Untuk



Majlis Daerah Kuala Selangor  
Jalan Majlis 45000 Kuala Selangor  
Tel : 03-3289 1439 Fax : 03-3289 1101  
Web : www.mdks.gov.my

# KEBERANGKATAN DYMM SULTAN SELANGOR KE MAKAM DIRAJA KUALA SELANGOR 2 Mei 2019

Sultan Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj telah berkenaan menziarahi Makam Diraja Kota Melawati di Bukit Malawati, Kuala Selangor, Selangor.

Makam Diraja ini menempatkan tiga makam Sultan Selangor yang terawal iaitu Sultan Selangor Pertama, Almarhum Sultan Salahuddin Shah (Raja Lumu) yang memerintah pada 1745 hingga 1778, Sultan Selangor Kedua, Almarhum Sultan Ibrahim Shah yang memerintah pada 1778 hingga 1826 dan Makam Sultan Selangor Ketiga, Almarhum Sultan Muhammad Shah yang memerintah pada 1826 hingga 1857.

Turut serta mengiringi baginda adalah Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat serta kerabat diraja Selangor.



# KEJOHANAN FUTSAL PIALA YDP MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 2019 4 Mei 2019

Kejohanan Futsal Piala Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor 2018 telah dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat MDKS. Sebanyak 32 pasukan lelaki dan 8 pasukan wanita yang menyertai kejohanan ini untuk merebut hadiah utama RM 3,000.00. Juara Kategori lelaki telah dimenangi oleh pasukan Jerro Tornado A dan kategori wanita dimenangi oleh Breakers FT.



“Usaha untuk rakyat”

## OPERASI SITAAN PUSAT KITAR SEMULA TANPA LESEN

9 Mei 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) melalui Jabatan Penguatkuasa telah menjalankan operasi sitaan terhadap 3 Pusat Kitar Semula yang beroperasi tanpa lesen. Kesemua premis yang di sita di kawasan Sungai Buloh.

Sumber : Jabatan Penguatkuasa



## MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA DYMM SULTAN SELANGOR

14 Mei 2019

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri berjumlah RM234,000 kepada 468 asnaf fakir, miskin dan muafaf, di daerah ini.

Sumbangan itu diserahkan pada Majlis Berbuka Puasa Ihya Ramadan Bersama Rakyat di Masjid An Naim Sungai Sembilang. Turut berangkat mengiringi baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# MAJLIS IFTAR RAMADAN BERSAMA PENDAYUNG DAN HOS KOMUNITI SELANGOR 15 Mei 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan LBS Foundation telah mengadakan Majlis Ramah Mesra bersama Pendayung dan Hos Komuniti di Pusat Pelancongan Kelip-kelip Kampung Kuantan. Majlis ini diadakan sebagai apresiasi MDKS kepada para pendayung Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan dan Hos Komuniti Daerah Kuala Selangor yang bertungkus lumus sepanjang tahun dalam menjayakan sektor pelancongan di daerah ini.



Sumber : Unit Pelancongan, Pelaburan Dan Penswastaaan

# MAJLIS KUNJUNGAN MESRA KE BAZAR RAMADAN MAMPAN MDKS 2019 16 Mei 2019

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, Yang Berhormat Tuan Hee Loy Sian telah turun padang di dalam kunjungan mesra ke Bazar Ramadan di Saujana Utama. Dalam masa yang sama, beliau turut meninjau pelaksanaan bebas plastik dan polistirena di bazar ini. Beliau turut menyantuni pengunjung serta peniaga bazar dengan mengedarkan bekas makanan serta bubur lambuk.



Sumber : 1. Jabatan Pelesenan  
2. Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

“Usaha untuk rakyat”

# SEMARAK RAMADAN

## MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 2019

24 Mei 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) meneruskan tradisi menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim yang berlangsung di Surau Al-Fattah, Kuarters MDKS. Sumbangan berupa wang tunai telah disampaikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor, Puan Rahilah binti Rahmat. Selain memberikan sumbangan, MDKS turut mengadakan majlis berbuka puasa bersama kakitangan, Majlis Khatam Al-quran serta ceramah agama.



Sumber : 1. Unit Korporat dan Perhubungan Awam  
2. Jabatan Pembangunan Masyarakat  
3. Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi

# TAUTAN KASIH RAMADAN KOMUNITI STRATA

25 Mei 2019



Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

# PERHIMPUNAN PAGI SEMPENA HARI RAYA

29 Mei 2019

Perhimpunan Bulanan MDKS ini diuruskan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal. Ucaptama telah disampaikan oleh Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat. Akhir program, para kakitangan saling bersalaman dan bermaaf-maafan sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri.



Sumber : jabatan Pengurusan Sisa Pepejal

“Usaha untuk rakyat”

# WORLD #QURANHOUR

30 Mei 2019



Sumber : Unit Korporat dan Pehubungan Awam

## KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA PERINGKAT DAERAH KUALA SELANGOR 31 Mei 2019



Sumber : Unit Korporat dan Pehubungan Awam

## MESYUARAT PENYELARASAN PBT DAN PROGRAM SEBARAN DASAR 17-18 Jun 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor telah menjadi tuan rumah yang pertama untuk mesyuarat yang dikendalikan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan MDKS di hotel De Palma Eco Resort. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Yang Berusaha Dr. Shamsaini binti Shamsuddin, Pengarah PlanMalaysia@Selangor.



Sumber : 1. Jabatan Perbendaharaan  
2. Unit Audit Dalam



# PENGAUDITAN PROJEK NAIKTARAF DAN LAWATAN TAPAK KE PRODUK-PRODUK PELANCONGAN 17-18 Jun 2019



Sumber : Unit Pelaburan, Penswastan dan Pelancongan

# MAJLIS LAMBAIAN KASIH PUAN HAJAH SALEHA DAN JAMUAN HARI RAYA JAB. KAWALAN BANGUNAN 19 Jun 2019



Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

“Usaha untuk rakyat”

# TERATAK DESA AIDILFITRI

## MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 2019

21 Jun 2019

Kemeriahan Sambutan Hari Raya Aidilfitri turut diraikan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) menerusi penganjuran Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Kuala Selangor. Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara kakitangan MDKS dan masyarakat khususnya penduduk Kuala Selangor. Pada tahun ini, MDKS masih lagi meneruskan kempen #Bebasplastik di mana para tetamu diminta untuk membawa bekas makanan sendiri bagi tujuan menyokong kempen yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# BENKEL PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN PELAN RISIKO MS ISO 9001:2015

4-5 Julai 2019



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# LAWATAN “BENCHMARKING” DARI AKRAB JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERLIS

4 Julai 2019



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

“Usaha untuk rakyat”

# SAMBUTAN HARI KELIP-KELIP SEDUNIA 2019

6 - 7 Julai 2019

Bertemakan ‘Kami kecil dan bercahaya, mohon jangan lupakan kami’ Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) melancarkan sambutan Hari Kelip-Kelip Sedunia sebagai inisiatif global yang baru untuk mewujudkan kesedaran berkenaan habitat yang juga bahagian penting dan bermanfaat dalam landskap teknologi. Sambutan julung kali itu dianjurkan selama dua hari di Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Kuala Selangor, yang terkenal dengan keajaiban kelip-kelip dan destinasi pelancongan yang membabitkan komuniti setempat. Antara pengisian program seperti pameran, aktiviti bersama penduduk, pelajar sekolah dan para pendayung.



## MAJLIS PENYERAHAN SIJIL SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2018 9 Julai 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor berjaya memperolehi penarafan lima bintang di dalam Sijil Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Bagi Tahun 2018. Sijil telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru, Yang Berhormat, Tuan Ng Sze Han .



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

## PENILAIAN AWAL ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR PERINGKAT DAERAH KUALA SELANGOR 11 Julai 2019

Fokus membangunkan produk-produk Inovasi di teruskan melalui penganjuran Penilaian Awal Anugerah Inovasi Negeri Selangor Peringkat Daerah Kuala Selangor yang melibatkan 31 buah kumpulan. Peserta yang berjaya bakal menyertai Ekspo R&D dan Inovasi Negeri Selangor yang akan berlangsung di Pusat Pameran Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur pada 11 Oktober 2019.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

“Usaha untuk rakyat”

# LAWATAN DELEGASI DARIPADA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

16 Julai 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menerima lawatan rasmi delegasi daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibupejabat MDKS. Tujuan lawatan ini adalah untuk sesi perkongsian mengenai sistem ePBT dan sistem pengurusan kewangan MDKS yang telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Perbendaharaan MDKS, Puan Liliana binti Ahmad. Dalam taklimat itu, perbincangan dan perkongsian ilmu antara kedua-dua pihak berjalan dengan jayanya.



Sumber : Jabatan Perbendaharaan

# OPERASI KILANG PLASTIK HARAM

18 Julai 2019

Sebanyak enam kilang plastik kitar semula yang menjalankan operasi secara haram sekitar daerah Kuala Selangor lumpuh berikutan bekalan elektrik dan air dipotong di premis berkenaan. Serbuan itu meliputi empat kilang di Ijok, masing-masing satu di Bestari Jaya dan Jeram. Operasi ini melibatkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Jabatan Imigresen, Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor dan Tenaga Nasional Berhad.



Sumber : Jabatan Penguatkuasa

# LAWATAN TAPAK KE JERAM "SANITARY LANDFILLS" BERSAMA AHLI MAJLIS

2 April 2019

Sumber : Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal



# KURSUS AUDIT DALAMAN EKSA

3-5 April 2019



Sumber : Unit Korporat & Perhubungan Awam

“Usaha untuk rakyat”

## PERHIMPUNAN DAN MAJLIS PERASMIAN DEWAN MDKS BANDAR BARU

24 Julai 2019

Perhimpunan Bulanan MDKS ini dihoskan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan yang julung kali dianjurkan di luar Ibupejabat MDKS. Ucaptama telah disampaikan oleh Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat. Beliau turut merasmikan Dewan MDKS Bandar Baru yang dibina untuk kemudahan dan kegunaan para penduduk di kawasan Kuala Selangor.



## PROGRAM 3W

27 Julai 2019

Bagi membina platform terbaik buat rakyat Selangor mendapatkan maklumat berkaitan wanita, kebajikan serta kesihatan, kerajaan negeri tampil dengan karnival siri jelajah bagi memenuhi aspirasi tersebut.

Majlis Daerah Kuala Selangor telah terpilih untuk membawakan tema aktiviti yang berbentuk kesukarelawan. Pelbagai aktiviti turut disajikan kepada hampir 5,000 pengunjung. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Puan Dr Siti Mariah Binti Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga.





# KEJOHANAN PETANQUE PIALA YDP MDKS

27-28 Julai 2019

Selaku bapa angkat untuk sukan Petanque di Negeri Selangor, pembangunan sukan ini terus direncana menerusi penganjuran Kejohanan Petanque Piala Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor tahun 2019. Sebanyak 96 pasukan telah menyertai kejohanan ini terdiri daripada pelbagai negeri dan peserta luar negara daripada Indonesia. Kategori lelaki telah dimenangi oleh Aceh 5 manakala untuk kategori wanita dimenangi oleh SUK Terengganu D.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

# GOTONG ROYONG “EKSA”

2 Ogos 2019



Sumber : Unit korporat dan Perhubungan Awam

“Usaha untuk rakyat”

## KLINIK UPSR 2019 BERITA HARIAN DIDIK DENGAN KERJASAMA MDKS DAN LBS 3-4 Ogos 2019

Sumbangan CSR daripada LBS Foundation yang telah menaja kit peperiksaan UPSR kepada 202 orang pelajar daerah Kuala Selangor dan Slot Khas Bersama Al Fadhil Ustaz Dr Haji Mohd Zamri bin Haji Mohd Zainuldin sebagai pemangkin semangat sempena Klinik UPSR BH Didik Fasa 2/2019 dengan kerjasama MDKS.

Dengan sumbangan tersebut, diharap dapat membantu meningkatkan kecemerlangan pelajar-pelajar tahun 6 khususnya di daerah Kuala Selangor.



## LAWATAN DELEGASI DARI MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM PERKONGSIAN PRODUK INOVASI KUMPULAN KREATIF DAN INOVATIF (KIK) 5 Ogos 2019



# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) MAXIS DI PANTAI REMIS

6 Ogos 2019



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# OPERASI SEMAKAN PERMIT BAZAR RAYA AIDILADHA

10 Ogos 2019



Sumber : Jabatan Pelesenan

“Usaha untuk rakyat”

# PERHIMPUNAN PAGI ANJURAN JABATAN KAWALAN BANGUNAN

13 OGOS 2019



Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

# LAWATAN DELEGASI DARI MPKJ

14 Ogos 2019



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# PROGRAM IBADAH KORBAN 2019 MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

14 Ogos 2019

Bersempena sambutan Hari Raya Aidiladha, Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi MDKS telah menganjurkan Majlis Ibadah Korban di kawasan parkir Pejabat MDKS. Sebanyak 4 ekor lembu telah diperolehi melalui sumbangan kakitangan dan daging korban telah diagihkan kepada setiap kakitangan yang disempurnakan oleh Yang Dipertua MDKS, Puan Rahilah binti Rahmat dan Presiden KSKR MDKS, Puan Liliana binti Ahmad.

Sumber : 1. Jabatan Khidmat Pengurusan  
2. Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi



“Usaha untuk rakyat”

## KEM MOTIVASI REMAJA MDKS 2019

16-18 Ogos 2019

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) menganjurkan program Kem Motivasi Remaja MDKS 2019 di Teluk Nipah, Pulau Pangkor pada 16 – 18 Ogos 2019. Program membabitkan 40 belia wanita lingkungan 19 hingga 21 tahun sekitar Kuala Selangor itu bertujuan mencungkil bakat kepemimpinan.



## MAJLIS KOMUNIKASI DUA HALA ANTARA PIHAK BERKUASA TEMPATAN BERSAMA AHLI PARLIMEN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR

22 Ogos 2019

Majlis Komunikasi Dua Hala Antara Pihak Berkuasa Tempatan (MDKS) Dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen ini dilaksanakan bagi memberi ruang yang lebih terbuka dalam melontarkan pendapat serta idea dalam membangunkan Daerah Kuala Selangor. Selain itu, program ini dapat membantu pihak ADUN dan parlimen menyalurkan aduan rakyat di kawasan masing-masing.

Bertempat di De Palma Eco Resort, Kuala Selangor, Majlis ini telah dihadiri oleh kumpulan Pengurusan dan Ahli Majlis MDKS serta 2 orang ADUN iaitu YB. Tuan Mohd Shaid bin Rosli, ADUN N12 Jeram serta YB. Puan Juwairiya binti Zulkifli, ADUN N10 Bukit Malawati.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

## PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI REMIS OLEH SMK BATU 8, PUCHONG

27 Ogos 2019



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

## SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR

30 Ogos 2019

Sempena sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor turut mengambil peluang menyertai perarakan perbarisan yang diketuai oleh En. Zainal Abidin bin Bujor. Perbarisan MDKS turut diserikan lagi dengan menampilkan maskot "Kelip-Kelip" sebagai ikon pelancongan Kuala Selangor. Sambutan itu turut dihadiri Dato' Menteri Besar Selangor, YAB. Tuan Amirudin bin Shari.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

# Peta Pelancongan Kuala Selangor

Kuala Selangor Tourism Map



Homestay  
Sg. Sireh

Tanjung Karang

Kuala Selangor

Kelip-Kelip  
Kg. Kuantan

Selangor  
Fruits Valley

Bestari Jaya

Sky Mirror  
Kuala Selangor

Bukit Malawati  
Kuala Selangor

Kelab Golf Diraja  
Kg. Kuantan

Ijok

Taman Alam  
Kuala Selangor

Sasaran Art  
Sg. Buloh

Jeram

Bandar  
Puncak Alam

Pusat Rekreasi  
Pantai Remis

Saujana Utama

Sg. Tenggi

Sg. Selangor

Sg. Buluh

